

21/11/1997

Lagi sokongan untuk Mahathir

KANGAR, Khamis - Umno Perhubungan Negeri, hari ini menyatakan sokongannya yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus menerajui negara ini dan menangani masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang ini.

Pengerusinya, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata Umno Perhubungan negeri Perlis akan terus memberi sokongan dalam apa saja bagi membantu menangani masalah yang dihadapi.

"Kita (Umno Perhubungan Negeri) tetap yakin dan percaya kepada kepemimpinan Mahathir, malah bersedia dan sanggup berganding bahu bagi menghadapi cabaran dan ancaman luar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Umno Perhubungan negeri Perlis, di pejabatnya di sini, hari ini.

Turut hadir, Setiausaha Perhubungan Umno Negeri, Datuk Bahari Taib, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri, Baharuddin Ahmad dan Ketua Pergerakan wanita Umno negeri, Senator Mastika Junaidah Hussain.

Di KUALA KRAI: Rakyat semua peringkat perlu bersedia menghadapi krisis kejatuhan nilai ringgit yang boleh menjejaskan perkembangan ekonomi negara pada masa hadapan.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata masyarakat di pedalaman wajar memahami masalah sebenar ketika negara dilanda kegawatan ekonomi.

"Kita tidak mahu masyarakat membuat tanggapan negatif terhadap kepemimpinan negara mengenai masalah itu," katanya ketika berucap merasmikan majlis penyampaian sijil dan hadiah kepada lebih 50 pelajar di Sekolah Kebangsaan Jerék, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Dabong, Datuk Mohd Rozali Isohak; Adun Galas, Omar Mohamad dan Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Krai/Gua Musang, Mohamad Zin Muhamad.

Menurutnya, kejatuhan nilai ringgit adalah berpunca daripada kegiatan beberapa kumpulan tertentu yang memanipulasi mata wang untuk kepentingan mereka.

Katanya, krisis ekonomi bukan saja membabitkan negara ini, malah turut membabitkan beberapa negara lain di Asia.

Di KUALA LUMPUR: Kira-kira 500 kakitangan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) mengadakan perhimpunan bagi menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir dan membantah campur tangan Amerika.

Perhimpunan itu diadakan di hadapan pejabat syarikat itu di Jalan Chan Sow Lin, di sini hari ini.

Pengerusi Eksekutif PNMB, Datuk Mohd Yusof Hitam, berkata perhimpunan itu diadakan bagi membuktikan kepada masyarakat antarabangsa bahawa rakyat Malaysia menolak sebarang campur tangan negara asing dalam kerajaan yang dipilih rakyat.

Di KOTA BHARU: Pas menjelaskan pendiriannya menolak usul percaya terhadap kepemimpinan Dr Mahathir Mohamad, yang diluluskan di Dewan Rakyat semalam, atas dasar menolak sokongan kepemimpinannya secara mutlak.

Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata jika parti itu menyokong secara mutlak iaitu menerima apa saja dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Dr Mahathir, bererti rakyat hidup dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem 'satu parti'.

Menurutnya, pendirian Pas berhubung sokongan kepada Perdana Menteri

sebelum ini ialah dalam konteks menentang ancaman luar berikutan desakan sekumpulan anggota Kongres Amerika supaya beliau meletakkan jawatan.

Di KUCHING: Semua 62 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sarawak, termasuk dua dari Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Bebas, hari ini menyokong penuh usul sokongan terhadap Dr Mahathir, untuk terus menerajui tampuk pimpinan negara ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, membentangkan usul berkenaan pada jam 4.15 petang ini dan disokong penuh serta diluluskan pada jam 6.10 petang ini, selepas dibahas oleh tujuh wakil rakyat.

Berucap menyokong usul itu ialah, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri, Awang Tengah Ali Hassan (BN-Lawas); Lee Kim Shin (BN-Senadin); Menteri Muda Kewangan dan Kemudahan Awam, William Mawan Ikom (BN-Pakan); Datuk Effendi Norwawi (BN-Dalat); Joseph Entulu Belaun (BN-Tamin); Jason Wong Sing Nang (DAP-Pelawan) dan Kebin Wan (bebas-Telang Usan).

(END)